

18 SEP 2002

Abdullah-Cheney

KL DAN WASHINGTON AKUI KERJASAMA PERANGI KEGANASAN DITERUSKAN

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 18 Sept (Bernama) -- Malaysia dan Amerika Syarikat bersetuju bahawa kerjasama dua hala dalam memerangi keganasan perlu diteruskan.

Perkara ini diakui oleh Naib Presiden Amerika Syarikat, Dick Cheney, dalam pertemuan beliau dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Washington pada hari Selasa.

Dalam satu temubual dengan Bernama melalui telefon dari Washington, Abdullah berkata kerjasama itu bukan sahaja perlu diteruskan tetapi dipertingkatkan.

"Kami berdua akui bahawa kerjasama dalam memerangi keganasan adalah baik dan perlu diteruskan dan ditingkatkan," kata Abdullah ketika diminta mengulas mengenai pertemuan beliau dengan Cheney.

Selain Cheney, Timbalan Perdana Menteri juga mengadakan pertemuan dengan beberapa anggota kanan Kongres Amerika Syarikat dan anggota kabinet Presiden George W. Bush.

Lawatan kerja dua hari Abdullah ke Washington merupakan susulan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Amerika Syarikat pada Mei lepas.

Abdullah berkata beliau memberitahu Cheney bahawa Malaysia berharap Washington tidak akan menganggap atau mempunyai pandangan bahawa agama Islam dan orang Islam mempunyai kaitan dengan keganasan.

"Saya memaklumkan beliau bahawa Islam adalah untuk galakkan cinta kepada keamanan dan kemajuan," katanya.

Malaysia telah berusaha memperbaiki imej Islam berikutan salah tanggapan sesetengah pihak, khususnya selepas peristiwa 11 Sept.

Abdullah juga memaklumkan kepada pemimpin Amerika Syarikat itu mengenai sokongan Malaysia terhadap kenyataan Bush di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) baru-baru ini untuk menyerahkan kepada badan dunia itu bagi menyelesaikan isu Iraq.

"Malaysia sokong Presiden Bush untuk membawa perkara ini ke PBB dan bukan meneruskan tindakan unilateral (secara sendirian)," kata Timbalan Perdana Menteri.

Sebelum ini, Bush dan sekutu Amerika, iaitu Britain, dilaporkan bercadang untuk menyerang Iraq kerana kononnya Baghdad memiliki senjata menyebabkan kemusnahan teruk dan Iraq juga enggan membenarkan pasukan pemeriksa PBB memasuki negara itu untuk mengesan sama ada wujud senjata seperti itu.

Isnin lepas, Iraq mengumumkan ia akan membenarkan pemeriksa senjata Bangsa-bangsa Bersatu memasuki negara itu tanp syarat untuk mengesan sama ada wujud senjata berkenaan.

Abdullah berkata pengumuman Iraq itu menunjukkan bahawa "diplomasi pelbagai hala" yang digunakan oleh negara-negara anggota Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) terhadap Iraq, telah berjaya.

"Ini usaha 'multilateral diplomacy' yang baik dan patut dihargai dan diiktiraf. Kita harap Amerika Syarikat akan terus bertindak dalam hal Iraq ini dalam lingkungan PBB," katanya.

Abdullah berkata menjadi tugas PBB untuk memastikan Iraq memberikan sokongan kepada pasukan penyiasat yang bakal dihantar oleh badan dunia itu.

"Saya harap dengan perkembangan ini dan tindakan NAM dan OIC termasuk negara-negara Arab, Amerika Syarikat dapat mengambil ini sebagai satu

kehendak masyarakat antarabangsa untuk Iraq memberi kerjasama ke arah menyelesaikan masalah di Iraq, bermula dengan menerima (pasukan) penyiasat (PBB)," katanya.

Mengenai lawatan beliau ke Washington dan pertemuannya dengan beberapa orang pemimpin kanan pentadbiran Bush, Timbalan Perdana Menteri berkata ia telah berjaya.

"Saya dapat merasai yang mereka telahpun menunjukkan yang hubungan dua hala antara Amerika dan Malaysia pada waktu ini telah bertambah baik khususnya ekoran lawatan Perdana Menteri kita dan pertemuan beliau dengan Bush (di Washington Mei lepas)," kata Abdullah.

--BERNAMA

ES MAI